

# Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Motivasi Belajar Murid Sekolah Rendah Di Pekan Nanas Daerah Pontian (Peer Influence On Students' Learning Motivation In Elementary Schools In Pekan Nanas, Pontian District)

Shirley Tang<sup>1\*</sup>, Ruslin Amir<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [shirleytang9555@gmail.com](mailto:shirleytang9555@gmail.com)

Received: 27 January 2024 | Accepted: 15 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.34>

**Abstrak:** Rakan sebaya merupakan individu yang berkait rapat dengan setiap orang murid. Dalam proses pembelajaran, rakan sebaya memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi motivasi belajar seseorang individu. Motivasi belajar memainkan peranan yang sangat penting dalam prestasi akademik murid-murid. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengaruh rakan sebaya dan tahap motivasi belajar dalam kalangan murid-murid tahap 2 di sebuah sekolah rendah di daerah Pontian, Johor. Kajian ini juga ingin mengenalpasti hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan motivasi belajar murid-murid. Sebanyak 150 orang responden kajian telah dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian ini. Soal selidik yang diedarkan merangkumi item-item tentang tahap pengaruh rakan sebaya yang diadaptasikan daripada Inventory of Parent and Peer Attachment (IPPA) dan tahap motivasi belajar yang diadaptasikan daripada Inventory of School Motivation (ISM). Data-data ini telah dianalisis secara deskriptif untuk mengenalpasti tahap pengaruh rakan sebaya dan tahap motivasi belajar serta dianalisis secara inferensi untuk melihat hubungan antara dua pembolehubah dengan menggunakan perisian Program Statistical Package for The Social Science SPSS 11.5 For Window. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengaruh rakan sebaya ( $M=3.51$ ,  $SD=1.334$ ) dan tahap motivasi belajar ( $M=3.43$ ,  $SD=1.274$ ) adalah pada tahap sederhana. Hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan motivasi belajar murid-murid sekolah rendah adalah sederhana dan positif ( $r=.323$ ,  $p=.000$ ). Implikasi kajian ini menyerlahkan keperluan untuk membangunkan program sokongan yang bersesuaian dengan tahap kefahaman dan kesediaan pelajar. Kajian lanjutan disyorkan untuk mendalami lagi pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kedua-dua pembolehubah ini, serta menilai kesan jangka panjang interaksi rakan sebaya terhadap motivasi pembelajaran pelajar.

**Kata Kunci:** Pengaruh Rakan Sebaya, Motivasi Intrinsik, Motivasi Ekstrinsik

**Abstract:** Peers are individuals closely associated with each student. In the learning process, peers play a crucial role in influencing an individual's learning motivation. Learning motivation is immensely important for the academic achievements of students. This study aims to examine the level of peer influence and learning motivation among Level 2 students in an elementary school in the Pontian district, Johor. The study also seeks to identify the relationship between peer influence and students' learning motivation. A total of 150 study respondents were randomly selected as the sample for this study. The distributed questionnaire included items on the level of peer influence adapted from the Inventory of Parent and Peer Attachment (IPPA) and the level of learning motivation adapted from the Inventory of School

*Motivation (ISM). Descriptive analysis was conducted to identify the levels of peer influence and learning motivation, and inferential analysis was carried out to examine the relationship between the two variables using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 11.5 for Windows software. The study findings indicate that the level of peer influence ( $M=3.51$ ,  $SD=1.334$ ) and the level of learning motivation ( $M=3.43$ ,  $SD=1.274$ ) are at a moderate level. The relationship between peer influence and the learning motivation of elementary school students is moderate and positive ( $r=.323$ ,  $p=.000$ ). The implications of this study highlight the need to develop support programs that align with students' understanding and readiness levels. Further research is recommended to deepen the understanding of the factors influencing these variables and assess the long-term effects of peer interactions on student learning motivation.*

**Keywords:** Peer Influence, Intrinsic Motivation, Extrinsic Motivation

---

## 1. Pengenalan

Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara yang berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Dengan hasrat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membawa suatu perubahan berkesan kepada dunia pendidikan untuk beradaptasi dengan perubahan zaman, kemajuan teknologi serta pemikiran generasi baharu. Pembukaan dimensi baharu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah membawa kepada transformasi pendidikan yang menekankan pembentukan insan yang menyeluruh dan berupaya menangani cabaran abad ke-21 dan berupaya bersaing pada peringkat global (KPM, 2013). Antaranya, KPM telah memansuhkan pentaksiran berpusat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) sejak tahun 2020 dan digantikan dengan sistem pentaksiran berasaskan sekolah yang lebih menyeluruh iaitu sistem Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi). Dengan ini, kemenjadian dan prestasi murid tidak lagi dilihat dari segi pencapaian akademik tetapi ditaksir dan dengan lebih holistik dalam penilaian aspek sukan, kokurikulum, nilai murni, minat dan kecenderungan serta pembentukan sahsiah melalui pentaksiran dalam PAJSK dan PPsi (Muhammad Yusri Muzamir, 2022). Perubahan KPM dalam memantapkan sistem pentaksiran ini berhasrat untuk menghasilkan proses pembelajaran yang lebih menarik dan seterusnya meningkatkan semangat belajar murid (Rohaniza Idris, 2022).

Berdasarkan statistik KPM yang dikeluarkan pada 11 Oktober 2020, kadar keciciran murid sekolah rendah meningkat kepada 0.13 peratus pada tahun 2020 berbanding 0.12 peratus pada 2019. Peningkatan isu keciciran murid dalam pelajaran dapat dilihat melalui penglibatan murid dalam Sistem Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) semasa pandemik Covid-19. Cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi dalam kalangan rakyat Malaysia telah menyebabkan sebilangan murid tidak dapat mengikuti pembelajaran atas talian. Lama-kelamaan, keadaan ini secara tidak langsung mencetuskan isu hilang motivasi dan semangat untuk belajar dalam kalangan murid-murid, khususnya murid sekolah rendah dan mereka cenderung untuk ponteng kelas mahupun ponteng sekolah. Kajian Muhammad Ikmal, et al. 2020 telah mendapati bahawa kekerapan murid-murid tidak hadir ke sekolah menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran berbanding murid-murid lain. Untuk menangani masalah kehilangan minat belajar murid-murid, sistem pembelajaran yang berkualiti dan pembelajaran yang berpusatkan murid-murid amat penting untuk menggalakkan penglibatan aktif murid dalam bilik darjah.

Pembelajaran kooperatif dapat membantu murid-murid dalam penguasaan kandungan pembelajaran (Nazir, et al., 2019), memberi peluang untuk berkomunikasi sesama rakan (Pratiwi, et al., 2019), mempamerkan kefahaman konseptual serta meningkatkan pencapaian akademik (Nikmah & Ellianawati, 2019). Berdasarkan kajian Mohammad Shah (2016), pembelajaran kooperatif dengan penyediaan persekitaran pembelajaran yang mengutamakan aktiviti berkumpul dari segi susunan meja kerusi murid dalam kelas amat ditekankan untuk menggalakkan kerjasama murid dalam kumpulan dan pada masa yang sama dapat bekerja secara individu. Sehubungan dengan itu, kajian M. Kaviza (2020) juga mendapati kesan yang signifikan terhadap peningkatan dan kekekalan motivasi intrinsik dalam kalangan murid hasil daripada kerjasama murid-murid dalam mencapai halatuju yang sama. Dapatan ini bertepatan dengan hasil analisis soal selidik Zahara & Suzela (2011) yang mendapati bahawa toleransi murid-murid dalam proses pembelajaran mampu mencetus sikap positif murid-murid dan meningkatkan keyakinan diri murid-murid terhadap sesuatu mata pelajaran.

Maka, adalah penting untuk mengkaji hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan motivasi belajar dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini diharap dapat menjadi panduan dan rujukan untuk pihak sekolah mahupun KPM dalam menangani isu keciciran murid dan seterusnya menjamin proses pembelajaran yang berkesan dan berkualiti. Dapatan dan perbincangan dalam kajian ini diharap dapat memberi gambaran keseluruhan dan mengenalpasti langkah-langkah perlu diambil oleh pihak-pihak berkenaan untuk meningkatkan motivasi belajar murid.

### **Objektif kajian**

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk:

- i. Menenalpasti tahap pengaruh rakan sebaya dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.
- ii. Menenalpasti tahap motivasi belajar dalam kalangan murid-murid sekolah rendah.
- iii. Menenalpasti hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan motivasi belajar murid-murid.

### **Persoalan kajian**

Berdasarkan tujuan kajian ini, kajian ini diharap dapat menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Apakah tahap pengaruh rakan sebaya dalam kalangan murid-murid sekolah rendah?
- ii. Apakah tahap motivasi belajar dalam kalangan murid-murid sekolah rendah?
- iii. Adakah hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan motivasi belajar murid-murid?

## **2. Sorotan Literatur**

### **Motivasi belajar**

Motivasi juga didefinisikan sebagai satu proses dan amalan yang teratur yang mampu membawa impak kepada seseorang individu dalam menjalankan tugas masing-masing. Hal ini selari dengan pernyataan yang dibuat oleh Hasanah & Sutopo (2020) bahawa motivasi dilihat sebagai cara-cara seseorang individu dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan tugas. Setiap individu mempunyai cara bekerja yang berbeza yang sering dipengaruhi oleh motivasi masing-masing. Seseorang individu yang bermotivasi tinggi akan didorong untuk menghasilkan sesuatu kerja yang sempurna dengan bersemangat. Maka, murid yang bermotivasi tinggi dapat mencapai prestasi akademik yang tinggi (Dean et al. 2021). Motivasi mampu membantu mencapai keberhasilan dalam suatu organisasi (Henny 2020). Dalam konteks pendidikan, motivasi mampu memberi impak yang positif atau negatif terhadap pencapaian akademik murid-murid. Maka, memang tidak dapat dinafikan bahawa motivasi memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi prestasi akademik murid-murid. Kedua-dua motivasi intrinsik

dan motivasi ekstrinsik dapat memberi pengaruh yang ketara terhadap motivasi belajar seseorang murid.

Motivasi intrinsik merupakan tanda aras terhadap tahap penglibatan murid-murid dalam aktiviti pembelajaran berdasarkan perasaan keinginan dalamannya dari segi minat dan kepuasan serta rasa ingin tahu seseorang individu (Lily et al. 2018). Perasaan ingin tahu terhadap pengetahuan, perasaan untuk menangani cabaran dalam menjamin kesempurnaan kerja, dan keinginan untuk dihargai amat berkait rapat dengan motivasi intrinsik yang mampu merangsang tingkah laku positif seseorang individu. Menurut Muhammad Faiz Rosli et al. (2022), motivasi dalam pendidikan boleh dijelaskan sebagai daya penggerak psiko dalam diri murid-murid yang menimbulkan keinginan untuk belajar, menjamin kelangsungan aktiviti belajar dan seterusnya menanamkan azam untuk terus belajar demi mencapai kejayaan. Murid yang bermotivasi intrinsik dalam pembelajaran akan menunjukkan perasaan minat dan bersemangat tinggi dalam mempelajari segala kandungan yang berkaitan dengan topik tersebut dan cenderung untuk memahaminya dengan lebih mendalam, atau mengembangkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang tersebut. Dapatan kajian Salmiza Saleh & Anis Diyana Halim (2016) juga mendapati murid yang bermotivasi tinggi dan menunjukkan self-esteem yang tinggi dalam pembelajaran akan lebih mudah untuk belajar dalam keadaan yang tenang dan sekali gus memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka.

Motivasi ekstrinsik pula didefinisikan sebagai kecenderungan seseorang individu melakukan aktiviti atau tugas untuk tujuan ganjaran dari segi fizikal atau psikologi dalam persekitaran semula jadi (Muhammad Ikmal et al. 2020). Ganjaran dalam bentuk fizikal adalah seperti hadiah, ganjaran berbentuk wang ringgit, gred dan markah yang baik manakala ganjaran psikologi merujuk kepada pujian, pengiktirafan dan penghargaan yang diberi. Ganjaran-ganjaran ini merupakan faktor-faktor dorongan luaran dan bukannya wujud dari dalaman diri seseorang individu. Dengan kata lain, motivasi ekstrinsik merujuk kepada dorongan luaran yang dapat merangsang sikap dan tingkah laku seseorang individu serta pelaksanaan tugasnya yang maksimum.

### **Pengaruh Rakan Sebaya**

Rakan sebaya merujuk kepada individu yang memiliki lingkungan umur, gender atau status sosioekonomi yang sama serta berkongsi minat yang serupa (Irwan Fariza Sidik et al., 2018). Dalam konteks pembelajaran, rakan sebaya merujuk kepada teman baik yang berada dalam kelas yang sama atau dalam lingkungan belajar yang sama. Dalam usia yang masih muda, kanak-kanak belum lagi memiliki pemikiran yang matang. Mereka meletakkan keyakinan dan kepercayaan yang amat tinggi terhadap rakan sebaya. Maka, mereka cenderung untuk meluahkan perasaan dan berkongsi segala masalah yang dihadapi dengan rakan sebaya di sekolah dan bukannya ibu bapa mereka. Bagi para murid-murid, rakan sebaya memainkan peranan yang penting dan memiliki pengaruh yang kuat terhadap pembelajaran di dalam bilik darjah. Pengaruh rakan sebaya amat berkait rapat dengan kepercayaan murid-murid terhadap rakan sebaya, komunikasi dengan rakan sebaya dan perasaan pengasingan daripada rakan sebaya.

Pengaruh rakan sebaya merupakan sumber paling kuat dalam membantu perkembangan diri, mengubah nilai dan sikap kanak-kanak (Anisa Saleha 2015). Murid-murid yang mendapat sokongan dan pengaruh positif rakan sebaya akan meniru, terikut dan terpengaruh dengan rakan sebaya ke arah yang positif. Rakan sebaya yang berperilaku positif seperti rajin belajar, bertanggungjawab, dan melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran dapat menjadi contoh dan teladan yang baik serta memberi impak terhadap sikap dan tingkah laku seseorang individu

dalam pelajaran. Di sebaliknya, jika anak-anak bergaul dengan rakan-rakan yang pincang dan rosak akhlnaknya, maka mereka akan terikut dan terpengaruh dengan tingkah laku negatif. Memandangan kepercayaan murid-murid terhadap rakan sebaya adalah tinggi, maka pengaruh serta tekanan daripada rakan sebaya memberi impak terhadap pembentukan tingkah laku murid-murid dan kejadian masalah sosial (Nor Jumawaton Shahrudin, et al. 2018).

Rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan penglibatan murid-murid dalam pembelajaran. Aktiviti pembelajaran seperti perbincangan kumpulan, projek bersama atau tugas kumpulan yang memerlukan kerjasama antara satu sama lain dapat menggalakkan penglibatan murid-murid untuk bekerjasama dan berkomunikasi dengan rakan sebaya. Dalam konteks pendidikan, komunikasi merupakan satu bentuk kemahiran sosial setiap individu untuk saling membantu dalam mencapai matlamat tertentu dan bekerjasama menyelesaikan masalah pembelajaran (Miswandi & Alvina, 2020). Komunikasi dalam pembelajaran amat berkait rapat dengan motivasi belajar murid-murid. Motivasi belajar murid-murid tinggi dapat menggalakkan penglibatan aktif murid-murid dalam aktiviti kumpulan dan membina komunikasi berkesan antara rakan sekumpulan demi menjamin kejayaan dalam pembelajaran (Van Dat Tran, 2013). Penglibatan murid-murid dalam aktiviti pembelajaran berkumpulan mampu menggalakkan murid-murid untuk bertukar pengetahuan, meluaskan pemahaman, dan membina kemahiran sosial.

Rakan sebaya juga boleh memberikan aspek sosial yang positif dalam pengalaman pembelajaran. Sokongan sosial seperti memberikan bantuan, galakan, dan pemahaman kepada murid-murid dapat membantu murid-murid dalam proses menghadapi kesukaran atau cabaran pembelajaran. Hal ini selaras dengan pendapat Tan & Rosnah (2013) bahawa sokongan sosial daripada rakan sebaya dan persekitaran sosial amat diperlukan untuk murid-murid meningkatkan keyakinan diri sendiri bagi membina kemahiran diri dan mencapai kejayaan dalam akademik. Interaksi yang baik dengan rakan sebaya mampu menjamin persahabatan dan pergaulan rakan sebaya dan seterusnya mewujudkan persekitaran yang menyeronokkan, merangsang dan menyumbang kepada motivasi dan kesejahteraan hidup murid-murid. Disebaliknya, jika murid-murid diasingkan dan diabaikan oleh rakan sebaya, murid-murid tersebut akan kekurangan keyakinan diri dan seterusnya mempengaruhi penglibatan mereka dalam kelas. Dengan kata lain, rakan sebaya dapat dijadikan sumber dorongan, inspirasi, dan motivasi untuk mewujudkan rasa selesa dan berminat dalam kalangan murid-murid dalam persekitaran pembelajaran mereka.

### **Teori Perkembangan Kognitif**

Teori Perkembangan Kognitif Piaget menekankan kepentingan pengalaman interaksi aktif individu dengan persekitarannya untuk perkembangan kognitif. Dalam penemuan Jean Piaget, setiap individu akan berkembang dalam proses sosial untuk berinteraksi berterusan dengan persekitaran sosial dan persekitaran fizikal untuk mewujudkan proses pembelajaran (Al. Rasyidin & Wahyudin, 2016). Dengan kata lain, interaksi dengan rakan sebaya memberi peluang kepada individu untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan idea yang berbeza. Konsep asimilasi dan akomodasi akan digunakan untuk murid-murid mentafsir maklumat baharu berdasarkan pemahaman sedia ada dan mengubah pemahaman sedia ada untuk menampung maklumat baharu yang tidak sepadan dengan pemahaman sebelumnya. Dengan ini, murid-murid yang sebelum ini mempunyai pandangan subjektif tentang sesuatu perkara akan mengubah pandangannya secara objektif. Proses ini membolehkan murid-murid memperoleh pemahaman yang lebih luas dan menggalakkan perkembangan kognitif.

Pembelajaran berdasarkan teori kognitif amat dikait rapat dengan pembelajaran berkumpulan yang memberi peluang kepada murid-murid untuk membina pengetahuan diri sendiri berdasarkan perkembangan kognitif dan interaksi sosial masing-masing (Sharan, 2010; Agustyaningrum et al., 2022). Dalam pembelajaran berkumpulan, rakan sebaya boleh memainkan peranan dalam membina pengetahuan dan pemahaman bersama. Apabila individu berinteraksi dan bekerjasama dengan rakan sebaya, mereka boleh menyokong satu sama lain, bertukar idea dan membina konsep bersama-sama. Kajian Deutsch (1949) dan Thomas (1957) mendapati bahawa apabila murid-murid bekerjasama untuk mencapai halatuju kumpulan yang sama, murid-murid tersebut akan menunjukkan sikap dan tingkah laku yang positif dengan melakukan apa sahaja yang diperlukan untuk kejayaan kumpulan. Pujian, penghargaan dan sokongan rakan sekumpulan adalah penting untuk menggalakkan penglibatan aktif murid-murid di dalam bilik darjah dan minat belajar murid-murid.

### **Teori Pembelajaran Sosial**

Dalam konteks teori Pembelajaran Sosial Bandura, rakan sebaya mempunyai potensi besar untuk menjadi model inspirasi, memberikan sokongan sosial, dan mempengaruhi tingkah laku dan motivasi individu. Rakan sebaya dijadikan model, sumber maklumat dan pengetahuan yang berharga untuk individu mempelajari tingkah laku baharu. Proses pemodelan tingkah laku berlaku dimana murid-murid memerhati dan belajar daripada pengalaman rakan sekeliling dari segi pembelajaran, kemahiran mahupun tingkah laku yang digunakan. Apabila seseorang memerhati rakan sebaya mereka menunjukkan tingkah laku yang dianggap positif, individu tersebut cenderung untuk meniru atau mengamalkan tingkah laku yang sama. Kajian Mairin et al. (2020) telah membuktikan kepentingan persekitaran sosial dalam bilik darjah dalam menjana penglibatan murid-murid dan meningkatkan motivasi murid-murid dalam pembelajaran. Interaksi sosial positif ini menjadikan murid-murid lebih bermotivasi untuk memberi pandangan serta idea mereka sepanjang proses PdPc bilik darjah berlangsung. Hal ini telah disokong dengan hasil dapatan kajian Noorhidayah et al. (2019) telah membuktikan bahawa situasi persekitaran sosial bilik darjah yang kondusif dapat menjadikan proses pembelajaran murid-murid lebih mudah, cepat, menyeronokkan serta efektif.

Lanjutannya, pujian atau sokongan daripada rakan sebaya yang dianggap penting boleh meningkatkan keyakinan diri dan efikasi sendiri seseorang individu untuk menghadapi cabaran dan masalah pembelajaran. Efikasi sendiri merupakan salah satu aspek yang perlu dititikberatkan dalam usaha meningkatkan motivasi murid-murid. Bandura (1977) telah mendefinisikan efikasi sendiri merupakan keyakinan dan kepercayaan individu terhadap kemampuannya melaksanakan tugas yang diperlukan untuk mencapai kejayaan. Murid-murid yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi akan mempunyai kualiti belajar yang lebih baik dan memiliki sifat kawalan diri yang baik dalam menghasilkan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan murid-murid yang mempunyai tahap efikasi yang rendah (Wondu, 2018). Persekitaran sosial yang positif telah membuka peluang kepada murid-murid untuk sama-sama berbincang, bertukar idea, dan bekerjasama mengusahakan halatuju yang ditentukan dalam kumpulan. Sokongan dan bantuan rakan sebaya mampu meningkatkan efikasi sendiri murid-murid secara tidak langsung dan seterusnya membawa impak yang positif terhadap motivasi belajar murid-murid, pembelajaran aktif murid-murid dan keyakinan murid-murid dalam pembelajaran. Dengan kata lain, daya keinginan belajar murid-murid dilihat lebih memberangsangkan dengan adanya persekitaran sosial bilik darjah yang kondusif.

### 3. Metod Kajian

#### Reka Bentuk Kajian

Rekabentuk kuantitatif jenis tinjauan telah dipilih sebagai reka bentuk kajian ini. Dalam kajian ini, tinjauan secara deskriptif dijalankan untuk memperolehi maklumat mengenai tahap pengaruh rakan sebaya murid-murid dan tahap motivasi belajar murid-murid di sekolah rendah bandar Pekan Nanas, Pontian, Johor. Borang soal selidik akan digunakan sebagai instrument untuk meneroka maklumat yang diperlukan dalam kajian dan berkaitan dengan objektif kajian dan menjawab persoalan kajian iaitu mengenai pengaruh rakan sebaya murid-murid dan motivasi belajar murid-murid. Pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah jantina dan pengaruh rakan sebaya dimanipulasikan untuk melihat tahap motivasi belajar murid-murid. Motivasi belajar merupakan pembolehubah bersandar kajian ini. Data akan dikumpul daripada salah sebuah sekolah rendah yang terpilih di daerah Pontian yang memenuhi ciri-ciri kajian. Kajian ini memberi fokus kepada murid-murid Tahap 2 di sekolah rendah. Murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 akan berhadapan dengan situasi pembelajaran yang lebih mencabar dari segi kemahiran menulis karangan, kandungan pelajaran yang lebih kompleks dan jumlah subjek yang perlu diambil.

#### Populasi & Sampel

Dalam kajian ini, populasi yang dilibatkan adalah murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yu Ming 2 yang berada di Pekan Nanas, Daerah Pontian, Johor. Sampel kajian dipilih dengan menggunakan persampelan secara rawak dimana pengkaji memilih murid-murid tahun 4, 5, dan 6 di sekolah rendah tersebut. Seramai 150 orang murid tahap 2 yang terdiri daripada 46 orang murid Tahun 4, 54 orang murid Tahun 5 dan 50 orang murid Tahun 6 telah terpilih sebagai sampel kajian ini untuk mengkaji tahap pengaruh rakan sebaya dan tahap motivasi belajar murid-murid. Sampel yang terpilih mengandungi murid-murid yang terdiri daripada murid-murid lelaki dan perempuan dengan bangsa dan latar belakang yang berbeza.

#### Instrumen Kajian

Pengkaji telah mengumpul data melalui borang soal selidik yang diberi kepada responden. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Instrument soal selidik ini akan dikemukakan kepada semua responden untuk mendapatkan maklum balas responden mengenai pembolehubah-pembolehubah kajian ini. Bahagian A akan mengumpul data latar belakang peribadi responden. Bahagian ini mengandungi 5 item yang berkaitan dengan demografi responden yang merangkumi maklumat jantina, bangsa, darjah, umur dan agama. Maklumat peribadi sampel kajian ini memudahkan proses pengkelasan semasa menganalisis data kajian.

Bahagian B mengandungi item-item yang diadopsikan daripada instrument *Inventory of Parent and Peer Attachment (IPPA)* yang dikeluarkan oleh Armsden dan Greenberg (1987). Item-item yang berkaitan dengan pengaruh rakan sebaya telah diadaptasikan dan digunapakai dalam kajian ini. Terdapat 25 item di Bahagian B yang bertujuan untuk menilai tahap pengaruh sebaya responden berdasarkan sub-skala kepercayaan terhadap rakan sebaya (peer trust), komunikasi dengan rakan sebaya (peer communication) serta pengasingan rakan sebaya (peer alienation). Bahagian C terdiri daripada 26 item untuk mengesan jenis motivasi belajar murid-murid. Kesemua item tersebut diadaptasi daripada instrument *Inventory of School Motivation (ISM)* yang dikeluarkan oleh King & Watkins (2013). Daripada 36 item, 26 item yang berkaitan dengan jenis motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik telah dipilih dalam kajian ini. Tahap motivasi intrinsik dikaji melalui sub-skala kepuasan belajar, keinginan untuk berusaha, keinginan untuk berhubung dengan orang lain, dan keinginan untuk menyumbang. Tahap

motivasi ekstrinsik pula dikaji melalui sub-skala ganjaran dan hadiah, pujian dan pengiktirafan orang lain, dan persaingan dengan rakan sebaya. Kedua-dua bahagian ini menggunakan skala likert 5 tahap, iaitu “Sangat Setuju” dengan skor 5, “Setuju” dengan skor 4, “Neutral” dengan skor 3, “Tidak Setuju” dengan skor 2 dan “Sangat Tidak Setuju” dengan skor 1.

### **Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian penyelidikan sebenar dijalankan untuk mengenalpasti dan memperbaiki kelemahan dan kekurangan instrument kajian untuk mengekalkan kebolehpercayaan dan kesahan hasil dapatan kajian. Dalam kajian ini, ujian rintis telah dijalankan dengan melibatkan 8 responden murid-murid Tahun 4 SJKC Yu Ming 2 dengan instrument soal selidik kajian ini. Untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan item-item soal selidik, pengkaji mengkaji dan menilai skor Alfa Cronbach. Hasil dapatan kajian rintis yang diperoleh telah menunjukkan nilai Alpha keseluruhan adalah  $r = 0.92$ . Ghazali & Sufean (2016) telah berpendapat bahawa item-item yang mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi akan menunjukkan hasil dan skor yang konsisten walaupun diuji dengan beberapa kali. Instrumen yang menunjukkan hasil skor Alpha Cronbach menghampiri nilai 1.0 mengandungi item-item yang mempunyai tahap konsistensi yang tinggi (Bond & Fox, 2015). Pendek kata, instrument yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

### **Prosedur Analisis Data**

Setelah mengutip dan mengumpul borang soal selidik, data tersebut dianalisis dengan statistik deskriptif dan analisis korelasi dengan menggunakan perisian *Program Statistical Package For The Social Science SPSS 11.5 For Window*. Untuk item-item Bahagian A yang berkaitan dengan demografi peribadi responden mengenai jantina, bangsa, darjah, umur dan agama, analisis deskriptif dalam bentuk kekerapan dan peratus akan dilaporkan. Item-item Bahagian B dan Bahagian C akan diinterpretasikan melalui analisis statistik.

Analisis data deskriptif akan dikaitkan dengan pembolehubah tahap pengaruh rakan sebaya dan tahap motivasi belajar murid-murid. Data deskriptif setiap item akan ditunjukkan melalui kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Kedua-dua Bahagian B dan Bahagian C akan menggunakan skala likert 5 tahap, iaitu “Sangat Setuju” dengan skor 5, “Setuju” dengan skor 4, “Neutral” dengan skor 3, “Tidak Setuju” dengan skor 2 dan “Sangat Tidak Setuju” dengan skor 1. Skala interpretasi oleh Landell (1997) akan diaplikasikan untuk menentukan tahap skor bagi setiap nilai min, iaitu tahap rendah (1.0 hingga 2.33), tahap sederhana (2.34 hingga 3.67) dan tahap tinggi (3.68 hingga 5.00).

Dapatan kajian item-item Bahagian B dan Bahagian C juga akan dikajikan melalui analisis statistik inferensi Korelasi Pearson. Analisis inferensi digunakan untuk melihat hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan motivasi belajar dalam kalangan murid-murid rendah. Interpretasi nilai pekali korelasi Hair et.al (2007) akan digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah berdasarkan nilai pekali korelasi dalam ujian Korelasi Pearson.

## **4. Hasil Kajian**

### **Latar Belakang Responden**

Dalam kajian ini, seramai 150 orang responden yang dipilih secara rawak telah dilibatkan untuk menjayakan kajian ini. Ciri-ciri latar belakang responden telah dibentangkan dalam bentuk



jadual mengenai jantina, umur, bangsa, dan agama. Jumlah kekerapan dan peratusan sampel telah dipaparkan secara terperinci dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Taburan Demografi Responden (N=150)**

Latar Belakang	Kekerapan	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	74	49.3
Perempuan	76	50.7
<b>Umur</b>		
10 tahun	46	30.7
11 tahun	54	36.0
12 tahun	50	33.3
<b>Bangsa</b>		
Cina	128	85.3
Melayu	16	10.7
India	6	4.0
<b>Agama</b>		
Buddha	112	74.7
Kristian	16	10.7
Islam	16	10.7
Hindu	6	4.0

Berdasarkan Jadual 4.1, data menunjukkan bahawa terdapat 74 orang responden merupakan murid lelaki, iaitu 49.3% daripada jumlah responden. Terdapat 50.7% daripada jumlah responden merupakan murid perempuan, iaitu dalam bilangan 76 orang. Berkaitan profil responden mengikut umur menunjukkan terdapat 36% daripada jumlah responden merupakan murid tahun 5 (54 orang murid), seramai 50 orang murid Tahun 6 (33.3%) dan sebanyak 46 orang murid Tahun 4 (30.7%). Majoriti responden merupakan murid yang berbangsa Cina, iaitu seramai 128 orang (85.3%) dan diikuti dengan murid bangsa Melayu, iaitu seramai 16 orang (10.7%), manakala 6 orang responden (4%) merupakan murid berbangsa India. Dari segi profil responden mengikut agama menunjukkan 74.7% (112 orang) beragama Buddha, murid beragama Kristian dan murid beragama Islam mempunyai bilangan yang sama iaitu 16 orang (10.7%). Terdapat 4% daripada jumlah responden merupakan murid beragama Hindu, iaitu sebanyak 6 orang murid.

### **Tahap Pengaruh Rakan Sebaya**

Analisis dapatan kajian ini dapat menjawab persoalan kajian pertama iaitu apakah tahap pengaruh rakan sebaya dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Nilai skor min bagi setiap item dalam Bahagian B telah diuji demi mengukur dan menilai tahap pengaruh rakan sebaya dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Oleh itu, pengukuran dan pengujian tahap pengaruh rakan sebaya adalah berdasarkan skala interpretasi oleh Landell (1997) akan diaplikasikan untuk menentukan tahap skor bagi setiap nilai min, iaitu tahap rendah (1.0 hingga 2.33), tahap sederhana (2.34 hingga 3.67) dan tahap tinggi (3.68 hingga 5.00).

**Jadual 2: Tahap Pengaruh Rakan Sebaya Murid**

Pernyataan	Kekerapan / Peratus (%)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi (Tahap)
	1	2	3	4	5			
Saya suka mendapat pandangan rakan saya tentang perkara yang saya titikberatkan.	10 (6.7)	20 (13.3)	44 (29.3)	48 (32)	28 (18.7)	3.43	1.137	Sederhana
Rakan saya boleh tahu apabila saya kecewa tentang sesuatu.	34 (22.7)	34 (22.7)	41 (27.3)	26 (17.3)	15 (10)	2.69	1.274	Sederhana
Apabila kami berbincang sesuatu, rakan saya ambil berat pandangan saya.	10 (6.7)	28 (18.7)	31 (20.7)	34 (22.7)	47 (31.3)	3.53	1.288	Sederhana
Saya berasa malu dan jika bercakap dengan rakan mengenai masalah saya.	54 (36)	41 (27.3)	29 (19.3)	17 (11.3)	9 (6)	3.76	1.224	Tinggi
Saya berharap saya mempunyai rakan yang lain.	9 (6)	23 (15.3)	20 (13.3)	44 (29.3)	54 (36)	3.74	1.261	Tinggi
Rakan-rakan saya memahami saya.	16 (10.7)	21 (14)	29 (19.3)	47 (31.3)	37 (24.7)	3.45	1.293	Sederhana
Rakan saya menggalak saya bercakap mengenai masalah saya.	41 (27.3)	29 (19.3)	40 (26.7)	17 (11.3)	23 (15.3)	2.68	1.387	Sederhana
Rakan-rakan saya menerima saya seadanya.	10 (6.7)	20 (13.3)	30 (20)	40 (26.7)	50 (33.3)	3.67	1.251	Tinggi
Saya rasa adalah perlu untuk saya kerap berhubung dengan rakan.	8 (5.3)	18 (12)	9 (6)	60 (40)	55 (36.7)	3.74	1.261	Tinggi
Rakan saya tidak faham apa yang saya lalui.	34 (22.7)	37 (24.7)	52 (34.7)	16 (10.7)	11 (7.3)	3.45	1.167	Sederhana
Saya rasa sendirian atau terpisah apabila saya bersama rakan.	83 (55.3)	32 (21.3)	23 (15.3)	12 (8)	0	4.24	0.988	Tinggi
Rakan-rakan saya mendengar apa yang saya katakan.	6 (4)	19 (12.7)	29 (19.3)	48 (32)	48 (32)	3.75	1.152	Tinggi
Saya rasa rakan-rakan saya adalah rakan yang baik.	5 (3.3)	9 (6)	25 (16.7)	37 (24.7)	74 (49.3)	4.11	1.094	Tinggi
Rakan saya agak mudah untuk diajak bercakap	6 (4)	4 (2.7)	15 (10)	53 (35.3)	72 (48)	4.21	1.005	Tinggi
Apabila saya marah mengenai sesuatu, rakan saya cuba memahami.	24 (16)	6 (4)	43 (28.7)	35 (23.3)	42 (28)	3.43	1.363	Sederhana
Rakan saya membantu saya memahami diri dengan lebih baik.	41 (27.3)	15 (10)	27 (18)	48 (32)	19 (12.7)	2.93	1.424	Sederhana
Rakan saya ambil berat tentang perasaan saya.	3 (2)	32 (21.3)	37 (24.7)	34 (22.7)	44 (29.3)	3.56	1.179	Sederhana
Saya rasa marah dengan rakan-rakan saya.	78 (52)	38 (25.3)	23 (15.3)	8 (5.3)	3 (2)	4.2	1.017	Tinggi
Saya boleh bergantung pada rakan saya apabila saya ingin meluahkan sesuatu.	21 (14)	16 (10.7)	20 (13.3)	37 (24.7)	56 (37.3)	3.61	1.433	Sederhana
Saya mempercayai rakan-rakan saya.	17 (11.3)	5 (3.3)	17 (11.3)	55 (36.7)	56 (37.3)	3.85	1.276	Tinggi
Rakan-rakan saya menghormati perasaan saya	12 (8)	15 (10)	38 (25.3)	22 (14.7)	63 (42)	3.73	1.315	Tinggi
Saya kecewa lebih banyak daripada apa yang diketahui oleh rakan.	25 (16.7)	34 (22.7)	32 (21.3)	25 (16.7)	34 (22.7)	2.94	1.406	Sederhana
Rakan saya kecewa dengan saya tanpa sebarang sebab.	74 (49.3)	36 (24)	20 (13.3)	12 (8)	8 (5.3)	4.04	1.198	Tinggi
Saya boleh beritahu rakan saya tentang kesulitan saya.	23 (15.3)	23 (15.3)	28 (18.7)	39 (26)	37 (24.7)	3.29	1.393	Sederhana
Jika rakan saya tahu ada sesuatu yang mengganggu saya, mereka akan tanya saya mengenainya.	20 (13.3)	9 (6)	50 (33.3)	31 (20.7)	40 (26.7)	3.41	1.307	Sederhana

Berdasarkan data statistik dalam Jadual 4.2, lebih separuh responden bersetuju dan sangat bersetuju menyatakan mereka berharap untuk mempunyai rakan yang lain (65.3%), suka mendapat pandangan rakan (50.7%), rakan menghormati pandangan mereka dalam perbincangan (54%), rakan amat memahami mereka (56%) dan menerima mereka (60%), adalah perlu untuk mereka kerap berhubung dengan rakan (76.7%), rakan mendengar apa yang dikatakan oleh mereka (64%), rakan mereka merupakan rakan yang terbaik (74%), rakan mempercayai mereka (74%), dan rakan menghormati perasaan mereka (56.7%). Bagi item-item dengan pernyataan negatif, dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan “Saya berasa malu dan jika bercakap dengan rakan mengenai masalah saya” (63.3%), “Saya rasa sendirian atau terpisah apabila saya bersama rakan” (76.6%), “Saya rasa marah dengan rakan-rakan saya” (77.3%) dan “Rakan saya kecewa dengan saya tanpa sebarang sebab” (73.3%). Berdasarkan skor min setiap item yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3, daripada 25 item pengaruh rakan sebaya 12 item menunjukkan tahap tinggi dan 13 item berada dalam tahap sederhana.

Interpretasi tahap pengaruh rakan sebaya murid-murid dapat dilihat melalui taburan min dan sisihan piawai murid-murid bagi konstruk kepercayaan terhadap rakan sebaya (Peer trust), komunikasi dengan rakan sebaya (Peer communication), dan pengasingan rakan sebaya (Peer alienation) yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4. Secara keseluruhannya, tahap pengaruh rakan sebaya murid-murid sekolah rendah adalah dalam tahap sederhana dengan skor min 3.51 dan nilai sisihan piawai 1.334 ( $M=3.51$ ,  $SD=1.334$ ). Konstruk kepercayaan terhadap rakan sebaya telah menunjukkan nilai min yang tertinggi ( $M=3.75$ ,  $SD=1.269$ ), diikuti dengan dimensi pengasingan rakan sebaya ( $M=3.53$ ,  $SD=1.379$ ) dan dimensi komunikasi dengan rakan sebaya ( $M=3.19$ ,  $SD=1.343$ ). Keputusan kajian ini menunjukkan kebanyakan murid-murid sekolah rendah mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap rakan sebaya sendiri.

### Tahap Motivasi Belajar murid-murid

Analisis dapatan kajian ini dapat menjawab persoalan kajian kedua iaitu apakah tahap motivasi belajar dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Nilai skor min bagi setiap item dalam Bahagian C telah diuji demi mengukur dan menilai tahap pengaruh rakan sebaya dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Oleh itu, pengukuran dan pengujian tahap pengaruh rakan sebaya adalah berdasarkan skala interpretasi nilai skor min oleh Landell (1997) pada tahap rendah, tahap sederhana, dan tahap tinggi.

**Jadual 3: Tahap Motivasi Belajar Murid**

Pernyataan	Kekerapan / Peratus (%)					Min	Sisihan Piawai	Interpretasi (Tahap)
	1	2	3	4	5			
Pujian ibu bapa saya atas sebab pencapaian yang baik adalah penting bagi saya.	8 5.3%	13 8.7%	23 15.3%	39 26%	67 44.7%	3.96	1.198	Tinggi
Saya lebih suka bekerja dengan orang lain berbanding dengan kerja bersendirian.	27 18%	7 4.7%	21 14%	44 29.3%	51 34%	3.57	1.454	Sederhana
Saya berusaha untuk menjadi terbaik dalam kalangan rakan-rakan saya di dalam kelas.	17 11.3%	40 26.7%	29 19.3%	35 23.3%	29 19.3%	3.13	1.312	Sederhana
Mendapat ganjaran atas sebab pencapaian yang baik adalah penting bagi saya.	19 12.7%	19 12.7%	36 24%	32 21.3%	44 29.3%	3.42	1.362	Sederhana
Pujian guru saya atas sebab pencapaian saya yang baik adalah penting bagi saya.	18 12%	31 20.7%	32 21.3%	19 12.7%	50 33.3%	3.35	1.428	Sederhana

Saya suka bertanggungjawab ke atas kumpulan di sekolah.	31 20.7%	19 12.7%	23 15.3%	43 28.7%	34 22.7%	3.2	1.456	Sederhana
Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa saya mahir dalam pembelajaran.	3 2%	10 6.7%	51 34%	54 36%	32 21.3%	3.68	0.951	Tinggi
Saya berusaha untuk menyelesaikan kerja sekolah tepat pada masa.	2 1.3%	6 4%	37 24.7%	34 22.7%	71 47.3%	4.11	0.998	Tinggi
Lagi susah latihan atau masalah yang dihadapi, lagi gigih saya cuba.	9 6%	28 18.7%	42 28%	37 24.7%	34 22.7%	3.39	1.198	Sederhana
Saya mencuba sedaya upaya untuk menguasai perkara baharu dalam pelajaran.	0	11 7.3%	50 33.3%	49 32.7%	34 22.7%	3.63	1.04	Sederhana
Pujian rakan-rakan saya atas sebab pencapaian saya yang baik adalah penting bagi saya.	15 10%	30 20%	27 18%	40 26.7%	38 25.3%	3.37	1.324	Sederhana
Saya rajin bekerja di sekolah supaya saya akan ditugaskan sebagai ketua kumpulan.	26 17.3%	40 26.7%	38 25.3%	15 10%	31 20.7%	2.9	1.375	Sederhana
Saya gigih berusaha untuk menjadi lebih baik daripada rakan sekelas saya.	6 4%	31 20.7%	27 18%	47 31.3%	39 26%	3.55	1.196	Sederhana
Mendapat sijil pencapaian atas sebab prestasi yang baik mendorong saya bekerja lebih gigih.	11 7.3%	12 8%	33 22%	48 32%	46 30.7%	3.71	1.196	Tinggi
Saya suka melihat bahawa saya semakin meningkat dalam pembelajaran saya.	0	3 2%	20 13.3%	55 36.7%	72 48%	4.31	0.777	Tinggi
Saya melakukan kerja saya yang terbaik semasa bekerjasama dengan rakan.	3 2%	11 7.3%	44 29.3%	45 30%	47 31.3%	3.81	1.026	Tinggi
Selepas pengajaran guru dalam sesuatu topik, saya akan mencuba soalan dan latihan tubi yang ada dalam buku walaupun tidak diminta guru.	24 16%	27 18%	57 38%	29 19.3%	13 8.7%	2.87	1.162	Sederhana
Saya membuat persediaan awal sebelum kelas bermula.	21 14%	26 17.3%	47 31.3%	32 21.3%	24 16%	3.08	1.261	Sederhana
Saya bekerja dengan baik di dalam kelas jika ganjaran disediakan.	15 10%	19 12.7%	46 30.7%	42 28%	28 18.7%	3.33	1.207	Sederhana
Saya melakukan kerja yang sebanyak mungkin semasa bekerjasama dengan rakan.	3 2%	24 16%	49 32.7%	32 21.3%	42 28%	3.57	1.119	Sederhana
Saya perlu tahu bahawa saya sedang mendapatkan sesuatu dengan kerja sekolah saya.	8 5.3%	30 20%	43 28.7%	46 30.7%	23 15.3	3.31	1.117	Sederhana
Saya tidak keberatan bekerja dalam tempoh yang lama untuk kerja yang saya rasa menarik.	12 8%	11 7.3%	25 16.7%	48 32%	54 36%	3.81	1.23	Tinggi
Apabila saya dipuji di sekolah, saya akan bekerja dengan lebih baik.	6 4%	19 12.7%	37 24.7%	65 43.3%	23 15.3%	3.61	1.146	Sederhana
Saya mahu dipuji atas sebab pencapaian sekolah saya yang baik.	6 4%	19 12.7%	37 24.7%	65 43.3%	23 15.3%	3.53	1.028	Sederhana

Amat penting untuk saya menjadi ketua kumpulan.	28 18.7%	48 32%	30 20%	32 21.3%	12 8%	2.68	1.228	Sederhana
Saya hanya gembira apabila saya antara yang terbaik dalam kelas.	51 34%	33 22%	38 25.3%	11 7.3%	17 11.3%	2.4	1.326	Sederhana

Berdasarkan skor min setiap item yang ditunjukkan dalam Jadual 4.3, daripada 26 item pengaruh rakan sebaya 7 item menunjukkan tahap tinggi dan 19 item berada dalam tahap sederhana. Berdasarkan data statistik, lebih separuh responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan yang berkait rapat dengan motivasi ekstrinsik, iaitu “Pujian ibu bapa saya atas sebab pencapaian saya yang baik adalah penting bagi saya.” (70.7%), diikuti dengan “Mendapat sijil pencapaian atas sebab prestasi saya yang baik membantu saya bekerja lebih gigih di sekolah.” (62.7%) dan “Apabila saya dipuji di sekolah, saya akan bekerja dengan lebih baik.” (58.6%). Bagi item-item yang berkaitan dengan motivasi intrinsik pula, hasil kajian menunjukkan sebahagian besar responden menyatakan “Saya suka melihat bahawa saya semakin meningkat dalam pembelajaran saya.” (84.7%), “Saya berusaha untuk menyelesaikan kerja sekolah tepat pada masa.” (70%), “Saya tidak keberatan bekerja dalam tempoh yang lama untuk kerja yang saya rasa menarik.” (68%), “Saya lebih suka bekerja dengan orang lain berbanding dengan kerja bersendirian.” (63.3%), “Saya melakukan kerja saya yang terbaik semasa bekerjasama dengan rakan-rakan.” (61.3%), “Saya mahu dipuji atas sebab pencapaian sekolah saya yang baik.” (58.6%), dan “Saya mencuba sedaya upaya untuk menguasai perkara baharu dalam pelajaran.” (55.4%). Sebaliknya, terdapat dua item yang paling tidak dipersetujui oleh responden, iaitu “Saya hanya gembira apabila saya antara yang terbaik dalam kelas.” (56%) dan “Amat penting untuk saya menjadi ketua kumpulan.” (50.7%).

Berdasarkan taburan min dan sisihan piawai, interpretasi tahap motivasi belajar murid-murid dapat dilihat dari segi konstruk motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Dapat disimpulkan bahawa tahap motivasi belajar murid-murid sekolah rendah adalah dalam tahap sederhana dengan skor min 3.43 dan nilai sisihan piawai 1.274 ( $M=3.43$ ,  $SD=1.274$ ). Konstruk motivasi intrinsik telah menunjukkan nilai min yang lebih tinggi ( $M=3.46$ ,  $SD=1.252$ ) jika berbanding dengan skor min motivasi ekstrinsik ( $M=3.40$ ,  $SD=1.304$ ). Dengan kata lain, ganjaran-ganjaran luar kurang merangsang motivasi belajar kebanyakan murid-murid sekolah rendah jika berbanding dengan motivasi dalaman. Hubungan Antara Pengaruh Rakan Sebaya & Motivasi Belajar murid-murid

Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab objektif kajian ketiga iaitu mengenalpasti hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan motivasi belajar dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Dengan analisis korelasi ini, pengkaji mampu mengenalpasti kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini berdasarkan interpretasi nilai pekali korelasi Hair et.al (2007) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 di bawah.

**Jadual 4: Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi**

Saiz Pekali Pearson <i>r</i>	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau -.91 hingga -1.00	Sangat kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.41 hingga .70 atau -.41 hingga -.70	Sederhana
.21 hingga .40 atau -.21 hingga -.40	Lemah tetapi mempunyai hubungan
.00 hingga .20 atau -.04 hingga -.20	Sangat lemah dan boleh diabaikan

(Sumber: Hair et.al (2007). *Research Methods for Business*. New York: John Wiley & Sons, Inc.)

**Jadual 5: Korelasi Antara Pengaruh Rakan Sebaya Dan Mitivasi Belajar**

		Pengaruh Rakan Sebaya	Motivasi belajar
Pengaruh Rakan Sebaya	Pearson Correlation	1	.323**
	Sig. (2-tailed)		0
Motivasi belajar	Pearson Correlation	.323**	1
	Sig. (2-tailed)	0	

\*\**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

Jadual 4.5 menunjukkan keputusan analisis korelasi antara pengaruh rakan sebaya dan motivasi belajar murid-murid sekolah rendah. Dapatan kajian telah membuktikan pengaruh rakan sebaya ( $M=3.51$ ,  $SD=1.334$ ) mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi belajar ( $M=3.43$ ,  $SD=1.274$ ) pada  $r= .323$ ,  $p<.001$ ). Berdasarkan interpretasi nilai pekali korelasi yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7, hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan motivasi belajar murid-murid sekolah rendah adalah sederhana. Hubungan positif antara kedua-dua pembolehubah ini menunjukkan semakin tinggi pengaruh rakan sebaya maka semakin tinggi tahap motivasi belajar murid-murid sekolah rendah.

Nilai p memberikan gambaran yang ketara mengenai kebolehpercayaan dapatan data daripada responden kajian untuk digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar. Nilai p yang rendah dapat memberi kepercayaan yang kuat bahawa apa yang ditemui dalam sampel juga berlaku di dalam populasi. Berdasarkan hasil kajian dalam Jadual 4.8, nilai  $p=0.00$  ( $p < 0.05$ ) dimana boleh dirumuskan bahawa hubungan antara kedua-dua pembolehubah adalah signifikan dan bermakna. Ringkasnya, hasil dapatan kajian ini dapat dipercayai dan digeneralisasikan dalam populasi. Oleh itu, hipotesis nol 1 yang menyatakan tiada hubungan signifikan antara pengaruh rakan sebaya dengan motivasi belajar murid-murid ditolak.

## 5. Perbincangan

### Tahap Pengaruh Rakan Sebaya

Dalam konteks pendidikan, pengaruh rakan sebaya memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman sosial dan emosi pelajar. Dapatan kajian ini telah menunjukkan tahap pengaruh rakan sebaya dalam kalangan pelajar sekolah rendah adalah dalam tahap yang sederhana. Kajian ini sejajar dengan dapatan kajian Nor'Aina & Faridah. (2022) yang mendapati pelajar sekolah menengah mempunyai tahap perapatan rakan sebaya yang sederhana. Dalam kajian ini, pengaruh rakan sebaya dapat dilihat dalam konteks komunikasi, kepercayaan dan pengasingan seseorang murid terhadap rakan sebaya. Kepercayaan terhadap rakan sebaya memainkan peranan penting dalam membentuk dinamik sosial dan boleh bertindak sebagai pemangkin atau sebagai penghalang kepada interaksi positif dan pembentukan hubungan yang bermakna dalam kalangan murid-murid. Hal ini demikian kerana murid-murid telah meluangkan masa yang banyak bersama dengan rakan sebaya dan membawa kepada pembentukan hubungan rapat dengan rakan-rakan (Kogilavani, 2018). Hasil kajian menunjukkan pengaruh rakan sebaya dalam kalangan murid-murid sekolah rendah lebih dipengaruhi dengan kepercayaan yang tinggi terhadap rakan sebaya jika berbanding dengan komunikasi dan pengasingan rakan sebaya. Penemuan ini menunjukkan murid-murid sekolah rendah kian meletak kepercayaan yang tinggi pada rakan sebaya. Perasaan percaya ini telah membuka pintu kepada perkongsian pengalaman dan peningkatan kerjasama dalam aktiviti kumpulan. Murid-murid yang mempercayai rakan sebaya mereka akan berasa selamat dan cenderung untuk bercakap secara terbuka tentang perasaan, pemikiran dan cabaran yang mereka hadapi serta menyokong antara satu sama lain. Sebaliknya, jika seseorang murid pernah mengalami pengalaman buruk atau merasa dikhianati oleh rakan sebaya pada masa lalu,

murid tersebut sememangnya takut untuk membuka diri dan cenderung untuk menghalang dan mengelakkan interaksi dengan orang lain.

Dapatan kajian menunjukkan komunikasi dengan rakan sebaya dan pengasingan rakan sebaya dalam kalangan murid sekolah rendah kurang menyumbang kepada pengaruh rakan sebaya. Berdasarkan hasil analisis data, didapati murid-murid sekolah rendah kurang berkomunikasi dengan berkesan dengan rakan sebaya dan seterusnya mewujudkan konflik dan salah faham dalam kalangan murid-murid hasil daripada keadaan salah tafsir atau kurang kejelasan antara satu sama lain. Murid yang mengalami konflik dalam hubungan sosial akan membawa kepada kes-kes gejala sosial yang tidak diingini. Hal ini disetujui oleh kajian Duru et al. (2015) yang mendapati murid-murid kian berkelakuan agresif sekiranya individu tersebut mengalami kesukaran untuk membentuk ikatan dengan rakan sebaya mereka. Dalam pada itu, kajian Mohd Fikri (2021) juga mendapati murid yang mengalami masalah sosial cenderung untuk menghabiskan masa dalam media massa dan kemudian membawa kepada masalah ketagihan media sosial. Sikap murid yang mengasingkan diri sendiri daripada orang lain dan menolak untuk bersosial dapat dikaitkan dengan konstruk pengasingan rakan sebaya. Dalam konteks akademik, pengasingan dengan rakan sebaya boleh menghalang motivasi dan tumpuan seseorang murid dalam pembelajaran. Hal ini setara dengan dapatan kajian Ahmad Fauzi, et al. (2018) bahawa sokongan dan penglibatan rakan sebaya menyumbang kepada penglibatan aktif murid dalam pembelajaran. Hal ini demikian kerana murid-murid yang mengalami pengasingan cenderung untuk menarik dan mengecualikan diri sendiri daripada interaksi sosial serta mewujudkan dinding emosi yang boleh menghalang pertumbuhan emosi dan perkembangan peribadi mereka. Perasaan kesunyian, harga diri yang rendah, dan tekanan yang turut dicetus hasil daripada pengasingan ini turut mempengaruhi penglibatan murid dalam kelas.

### **Tahap Motivasi Belajar**

Motivasi belajar adalah faktor utama dalam menentukan sejauh mana murid-murid melibatkan diri dalam pembelajaran. Pemikiran dan perspektif seseorang murid terhadap tugas dan pembelajaran amat mempengaruhi motivasi belajar individu tersebut. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian Zuraini et al (2016) yang mengenalpasti tahap motivasi pelajar dalam kemahiran mengarang Bahasa Melayu, pengkaji mendapati pandangan dan pemikiran negatif pelajar-pelajar yang merasakan bahawa aktiviti menulis adalah berat dan menganggap bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling sukar ini telah memberi impak yang negatif terhadap tahap motivasi belajar pelajar. Perspektif ini banyak mempengaruhi minat belajar pelajar dalam subjek-subjek tertentu, dan akhirnya mencetus masalah kurang memahami pelajaran yang diajar, hilang keseronokan belajar dan sekaligus ketinggalan dalam pelajaran. Penemuan kajian ini telah mendapati tahap motivasi belajar murid-murid sekolah rendah adalah dalam tahap sederhana. Dapatan kajian ini dilihat selari dengan kajian Lily et al. (2018) yang juga memperoleh hasil positif bahawa motivasi murid-murid dalam pembelajaran adalah dalam tahap sederhana. Tahap motivasi belajar murid telah memberi suatu gambaran yang jelas tentang tahap keterlibatan murid dalam pembelajaran.

Kajian ini telah terperinci tahap motivasi belajar murid-murid dari dua dimensi, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik dikaitkan dengan perasaan ingin tahu seseorang individu, keinginan untuk menyempurnakan tugas dan cabaran yang dihadapi serta kecenderungan untuk mendapat pengiktirafan demi mencapai kepuasan dalaman seseorang individu. Motivasi ekstrinsik pula dilihat dari segi rangsangan luaran seperti pengiktirafan dan sokongan pihak-pihak luar, persaingan antara satu sama lain serta keinginan untuk meningkatkan prestasi. Analisis dapatan kajian menunjukkan tahap motivasi murid-

murid sekolah rendah lebih dimanfaatkan dengan motivasi intrinsik seseorang individu jika berbanding dengan motivasi ekstrinsik. Penemuan ini disokong oleh kajian Deeneswary & Nurfaradilla (2021) yang memberi gambaran bahawa motivasi intrinsik menjadi dorongan utama dalam meningkatkan minat dan penglibatan murid Iban dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian Lily et al. (2018) juga mendapati graduan bahasa Arab telah mempamerkan motivasi dalaman yang tinggi ketika belajar bahasa Arab. Kepuasan dan keinginan diri sendiri menjadi pendorong utama untuk murid-murid mewujudkan ikatan positif dengan pembelajaran. Dalam pada itu, hasil kajian Mohamad Yazid (2016) telah mengemukakan pendapat yang berbeza dengan penemuan ini, iaitu murid peralihan Cina dan India bersemangat tinggi dalam aktiviti pembelajaran bahasa kedua apabila diberi ganjaran dan pengiktirafan yang lebih berkait rapat dengan motivasi ekstrinsik.

### **Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya dengan Motivasi Belajar**

Dalam konteks pendidikan, peranan rakan sebaya dan motivasi pembelajaran mempunyai implikasi yang mendalam terhadap perkembangan dan pencapaian akademik pelajar sekolah rendah. Dalam kajian ini, pengaruh rakan sebaya merujuk kepada bagaimana interaksi dan dinamik sosial antara murid-murid sekolah rendah boleh mempengaruhi motivasi mereka untuk belajar. Dapatan kajian yang menyatakan bahawa pengaruh motivasi pembelajaran rakan sebaya dan pelajar berada pada tahap sederhana, dan hubungan antara kedua-duanya adalah mudah dan positif. Hubungan positif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini telah disokong oleh kajian Ignatius Sulisty (2016) yang mendapati bahawa pembelajaran dengan kewujudan sokongan rakan sebaya mampu mencetus motivasi belajar murid-murid. Dapatan ini mencerminkan bahawa pengaruh rakan sebaya mempunyai kesan yang jelas dan langsung terhadap motivasi belajar murid-murid sekolah rendah, tanpa mengambilkira faktor yang lain. Persekitaran sosial yang menyokong boleh menjadi kunci kepada peningkatan motivasi belajar. Sekiranya murid-murid berasa diterima dan disokong oleh rakan sebaya, ini boleh meningkatkan keyakinan diri dan motivasi untuk belajar. M. Kaviza. (2020) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran yang menyokong mampu merangsang murid-murid untuk turut melibatkan diri dengan aktif dalam pembelajaran. Pelajar yang mempunyai peranan kepimpinan dalam kumpulan mereka mungkin mempunyai impak yang lebih besar. Mereka boleh menjadi contoh dan memberi inspirasi kepada rakan sebaya mereka. Hal ini demikian kerana pelajar cenderung untuk mencontohi tingkah laku dan sikap rakan sebaya mereka. Jika mereka melihat rakan-rakan yang bermotivasi dan berprestasi tinggi, ini boleh merangsang dorongan untuk mengejar kejayaan akademik.

### **6. Kesimpulan**

Secara rumusnya, kajian ini berfokus kepada 3 objektif kajian, iaitu mengenalpasti tahap pengaruh rakan sebaya, mengenalpasti tahap motivasi belajar dan mengenalpasti hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan motivasi belajar. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga objektif kajian ini telah dijawab dan disokong dengan dapatan kajian. Pengaruh rakan sebaya berdasarkan konstruk komunikasi berkesan rakan sebaya, kepercayaan rakan sebaya dan pengasingan rakan sebaya perlu diteroka dan dimanfaatkan untuk meningkatkan motivasi belajar murid-murid. Komunikasi yang berkesan memudahkan persefahaman dan sokongan bersama murid-murid. Pembentukan hubungan sosial positif ini membolehkan murid-murid membuka hati untuk meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap rakan-rakan. Pengasingan rakan sebaya menyebabkan murid-murid terasing dan seterusnya mencetuskan kemerosotan murid-murid dalam penyertaan kelas, penglibatan murid-murid dalam projek kumpulan atau pencapaian akademik murid-murid. Fenomena ini memberi kesan yang ketara kepada



kehidupan sosial dan emosi seseorang murid dan seterusnya menjejaskan kesejahteraan hidup murid tersebut.

Kajian ini memberikan maklumat yang terperinci berkenaan pengaruh rakan sebaya dan motivasi belajar mahupun bagaimana dinamik sosial boleh membentuk sikap dan motivasi pembelajaran. Penemuan ini boleh memberikan panduan berharga kepada pendidik dan perancang dasar untuk mewujudkan persekitaran pendidikan yang menyokong dan mendorong pelajar mencapai potensi maksimum mereka. Hasil-hasil ini dapat membantu pendidik dan perancang dasar untuk memperkasakan dan memperluaskan strategi pembelajaran koperatif dengan lebih teratur dan mampu meningkatkan interaksi positif dan memberikan rangsangan tambahan kepada motivasi pembelajaran. Perbincangan mengenai perbezaan dan keberkesanan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik juga memberi implikasi dan membuka ruang kepada guru-guru untuk mempertimbangan cara yang sesuai untuk membentuk insentif yang berkesan atau menstrukturkan persekitaran yang menyokong.

Kajian lanjutan boleh meneroka dengan lebih mendalam mengenai faktor-faktor dalam persekitaran sosial yang mungkin mempengaruhi motivasi pembelajaran seperti pengaruh keluarga, dinamik bilik darjah, atau budaya sekolah dalam membentuk persepsi dan sikap terhadap pembelajaran. Selain itu, kajian yang memfokuskan kepada peranan kepimpinan rakan sebaya boleh memberikan gambaran lanjut tentang bagaimana pemimpin rakan sebaya dalam kumpulan boleh mempengaruhi motivasi pembelajaran ahli kumpulan mereka. Kajian ini dipercayai dapat membantu mengenal pasti ciri-ciri yang menjadikan rakan sebaya berkesan sebagai pemimpin dan bagaimana ini mempengaruhi motivasi ahli kumpulan. Sehubungan dengan itu, penyelidikan dengan jangka yang lebih panjang boleh memberikan gambaran tentang bagaimana interaksi dengan rakan sebaya dalam peringkat sekolah rendah boleh membentuk sikap terhadap pembelajaran dan pencapaian akademik di peringkat yang lebih tinggi. Ia juga boleh membantu memberikan pandangan tentang kesan sosial dan emosi jangka panjang hubungan rakan sebaya.

## Rujukan

- Ahmad Fauzi M. A., Aida S. M. Y., & Rosnaini M. (2018). Pengaruh Guru, Rakan Sebaya dan Sokongan Keluarga terhadap Keterlibatan Matematik dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 8(1)
- Agustyaningrum, N., Pradanti, P., & Yuliana, Y. (2022). Teori Perkembangan Jean Piaget dan Vygotsky Bagaimana Implikasinya Dalam Perkembangan Matematika Sekolah Dasar? *Jurnal Absis: Jurnal Pendidikan Matematika Dan Matematika*, 5(1), 568–582.
- Anisa Saleha. (2015). *Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian murid-murid berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi*. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Armsden, Gay & Greenberg, Mark. (1987). The Inventory of Parent and Peer Attachment: Individual Differences and Their Relationship to Psychological Well-Being in Adolescence. *Journal of youth and adolescence*. 16: 427-54.
- Ayu, A. L. (2017). *Pengaruh motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik terhadap Prestasi belajar ekonomi bisnis kelas x peserta didik kelas X di SMKN 4 Makassar*. S1 Thesis Pascasarjana.
- Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch model fundamental measurement in the human sciences (3rd ed.)* Abingdon, UK: Routledge.

- Dean P. S., Fadhilah, F. W., Ivani Z. J., & Syahnur R. (2021). Hubungan motivasi belajar, relasi teman sebaya, dan stres akademik terhadap school wellbeing pada siswa sekolah menengah. *Jurnal Psikologi Talenta Mahasiswa 1*(2).
- Deeneswary A/P Shamugam & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Sikap Dan Motivasi Murid India Sekolah Rendah Pedalaman Tamil Dalam Mempelajari Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(3), 331-341.
- Duru, C. K., Redzuan, M., Hamsan, H., & Shahrinin, M., & I. (2015). Teacher Attachment and Intention of Aggressive Behavior among School Children. *Journal Of Humanities and Social Science*, 20(1), 66–72.
- Farah, I. D. (2019). Teori belajar humanistik Abraham Maslow dan Carl Rogers serta implikasinya dalam pembelajaran pendidikan agama Islam. *Jurnal Studi Hukum Islam & Pendidikan 8*(2): 209-230.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasanah, M. & Sutopo (2020). Pengaruh school well-being terhadap motivasi belajar siswa di Madrasah Aliyah Ma'arif 7 Sunan Drajat Lamongan. *Jurnal Institut Pesantren Sunan Drajat (INSUD) Lamongan 15*(2): 113-22.
- Henny, E. S. O. (2020). Hubungan antara motivasi belajar dengan prestasi belajar mahasiswa/i Fakultas Kedokteran Universitas HKBP Nommensen. *NJM 6*(1): 2686-2565.
- Ignatius Sulisty. (2016). Peningkatan Motivasi Belajar Dengan Menerapkan Model Pembelajaran Kooperatif Tgt Pada Pelajaran Pkn. *Jurnal Studi Sosial*. 4(1),14
- Ikmal, M. R. O., Nurazwa, A. & Kamariah, N. K. (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik murid-murid Uthm. *Kajian Kes Di Malaysia*, hlm. 45-52.
- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang, & Abd Razaq Ahmad. (2020). Keterlibatan murid-murid dan Hubungannya dengan Kemahiran Insaniah (Students' Involvement and its Relationship with Soft Skills). :68-74
- King, R., and Watkins, D. (2013). Validating the Chinese version of the Inventory of School Motivation. *Int. J. Test*. 13, 175–192.
- Kogilavani A/P Rajendran. (2018). *Relationship between parental attachment, parental differential treatment, sibling relationship, peer attachment and positive well-being among adolescents in the Klang Valley, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Landell, K. (1997). *Management by menu*. London: Wiley and Sons Inc.
- Lily H. A., Maimun A. L., Ashinida A. & Musab S. (2018). Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education 2018*(33): 75–93.
- Mairin Bin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Bin Saharin & Siti Rozana Binti Sali. (2020). Hubungan Penglibatan Ibu Bapa Dan Peranan Guru Dengan Pencapaian Akademik murid-murid Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1)
- Maslow, A. H. (1943). A Theory of Human Motivation. *Psychology Review*, July. 388-389.
- Miswandi Tendrita & Alvina Putri Purnama Sari. (2020). Penerapan Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Student Team Achievement Divisions (STAD) Dipadu RQA Berbasis Lesson Study untuk Meningkatkan Motivasi Belajar dan Kemampuan Komunikasi Mahasiswa Pendidikan Biologi Universitas Negeri Malang. *Jurnal Pendidikan Biologi*. 5(1)
- M. Kaviza. (2020). Penggunaan Sumber Sejarah Dalam Teknik Peer Instruction Terhadap Motivasi Intrinsik. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 17(4): 27-39

- Mohammad Shah. (2016). Etika kerja guru dan hubungannya dengan pembelajaran dan pengajaran berkesan abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia*. Melaka: Bintang Printing Sdn. Bhd.
- Mohd Fikri Bin Yazan. (2021). *Pengaruh Gaya Keibubapaan, Rakan Sebaya, Guru Dan Pegangan Agama Terhadap Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Faiz Rosli, Abd Razaq Ahmad, & M. Khalid M. Nasir. (2022). Hubungan antara Kompetensi Guru dengan Motivasi murid-murid Untuk Belajar dalam Norma Baharu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 7(3).
- Muhammad Yusri Muzamir. (2022). PBS diperkasa susulan pemansuhan UPSR, PT3. Retrieved Ogos 1, 2023, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/982841/pbs-diperkasa-susulan-pemansuhan-upsr-pt3>
- Nazir, S., Naicken, S., & Paterson, J.H. (2019). Teaching data structure through group based collaborative peer interactions. *Proceedings of the 8th Computer Science Education Research Conference (CSERC'19) ACM*.
- Nikmah, F., & Ellianawati. (2019). Integrating of peer instruction in the guided inquiry learning model. *Jurnal Penelitian dan Pengembangan Pendidikan Fisika*, 5(2): 171-182.
- Nor' Aina Fariha Talib & Faridah Mydin Kutty. (2022). Ikatan Keibubapaan dan Perapatan Rakan Sebaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Belia Felda Chini, Pahang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4)
- Noorhidayah, A.H., Nurul, H.A., Nuratiqah, S., & Nor, I.I. (2019) Pengaruh Persekitaran Dalam Penguasaan Kosa Kata murid-murid KUIM. *Proceeding The 1st International Language, Culture and Education Conference 2019*.
- Nor Jumawaton Shahrudin, Mariani Mansor, Zainal Madon & Hanina Halimatusaadiah Hamsan. (2018). Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokus Kawalan dengan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual. *Akademika* 88(2): 81-94
- Pratiwi, H.Y., Muhammad, N.H., Asri, M., & Nur Jahan Ahmad. (2019). The impact of guided inquiry model integrated with peer instruction towards sciences process skill and physics learning achievement. *Momentum: Physics Education Journal*, 3(2): 78-85.
- Rohaniza Idris. (2022). Pemansuhan UPSR, PT3 jadikan PBS lebih berkesan. Retrieved Ogos 8, 2023, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/985967/pemansuhan-upsr-pt3-jadikan-pbs-lebih-berkesan>
- Salmiza S. & Anis D. H. (2016). Kecenderungan otak dan hubungannya dengan pencapaian dan motivasi murid-murid. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 41(1): 65-70.
- Sharan, Y. (2010). Cooperative Learning for Academic and Social Gains: valued pedagogy, problematic practice. *European Journal of Education*, 45(2): 300-313.
- Tan, S. C. & Rosnah, S. (2013). Faktor-faktor sokongan sosial yang mempengaruhi penghargaan sendiri remaja Sekolah Menengah Daerah Melaka Tengah. *Journal of Faculty of Social Sciences and Humanities*. 8(1): 20-29.
- Van Dat Tran. 2013. Effects of Student Teams Achievement Division (STAD) on Academic Achievement, and Attitudes of Grade 9th Secondary School Students towards Mathematics. *International Journal of Sciences*, 2(4): 5–15.
- Wondu Teshome Beharu. (2018). Psychological Factors Affecting Students Academic Performance Among Freshman Psychology Students in Dire Dawa University. *Journal of Education and Practice*, 9(4)
- Zahara Aziz & Suzela Bustam. (2011). Kesan strategi pembelajaran koperatif terhadap pencapaian geografi tingkatan satu – topik tumbuhan semula jadi dan hidupan liar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (1): 1-10.

Zaki M. A. & Firdaus M. A. M. (2017). *Penggunaan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik untuk belajar bahasa Arab*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3.